

26/10/1997

Jangan panik kejatuhan BSHK

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR: Kerajaan mengambil sikap tunggu dan lihat terhadap kesan yang mungkin menimpa negara ini kerana kejatuhan teruk Bursa Saham Hong Kong (BSHK) dan yakin rakyat negara ini tidak perlu panik dengan situasi sekarang.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Wong See Wah, berkata pelabur asing masih mempunyai keyakinan ke atas asas ekonomi Malaysia yang masih kukuh berbanding beberapa negara Asia Tenggara lain yang terpaksa meminta perlindungan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) berikutan kemerosotan ekonomi dan kejatuhan nilai mata wang yang begitu buruk.

"Rakyat tidak perlu panik dengan kedudukan ekonomi negara, walaupun kejatuhan BSHK secara tidak langsung memberi kesan kepada negara ini."

"Setakat ini, pelabur asing masih yakin dengan keutuhan ekonomi negara dan pelaburan terus memasuki pasaran Malaysia kerana mereka yakin dengan asas ekonomi kita."

"Tidak seperti Thailand, kita mempunyai sistem kewangan yang lebih kukuh, inflasi terkawal dan rizab stabil. Ini adalah asas ekonomi yang terus menjadi tarikan utama pelabur asing ke negara ini," katanya selepas merasmikan Hari Kualiti dan Pelancaran MS ISO 9000 Jabatan Akauntan Negara, di sini, semalam.

Wong berkata, pelabur asing juga kagum dengan sikap dan pendirian rakyat yang memberi sokongan padu terhadap kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, walaupun beliau menerima kritikan pada peringkat antarabangsa.

"Secara keseluruhan, ekonomi kita masih beroperasi secara normal, walaupun timbul faktor manipulasi yang menggugat sistem kewangan kita."

"Apa yang perlu kita lakukan sekarang ialah berusaha mengusir golongan spekulatif ini keluar daripada sistem kita dan ini akan mengambil masa. Jadi kita perlu bersabar dan kerajaan sekarang sedang mengawasi keadaan dengan teliti," tegasnya.

Menjawab soalan, Wong berkata kini terdapat tanda-tanda terbaru menunjukkan BSHK sedang memperkukuhkan diri.

"Kami berpendapat bahawa Hong Kong dengan sengaja menurunkan nilai saham dan pasaran mata wangnya, sebagai satu strategi untuk mengelakkan peniaga tukaran wang daripada mengganggu pasarannya," katanya.

Beliau berpendapat ekonomi Hong Kong tidak mungkin runtuh, tetapi sekiranya berlaku ia sudah pasti akan menjejaskan keseluruhan rantau ini.

Wong berkata, Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan Asean yang akan diadakan bulan depan, dijangka membincangkan krisis ekonomi dan mata wang yang melanda rantau ini dengan lebih serius.

"Mereka mungkin akan menggaris strategi bagi menangani masalah yang melanda sekarang," katanya.

Menjawab soalan lain, Wong berkata kerajaan tidak boleh meramal sejauh mana ringgit akan merosot, walaupun bekerja keras untuk memulihkan nilainya pada tahap 2.8 hingga 3.0 berbanding dolar Amerika.

"Bank Negara tidak akan masuk campur sehinggalah keadaan terdesak. Kita sedang mengawasi keadaan dengan teliti," katanya.

(END)